

MASSB sumbang bekas sisa klinikal, berbahaya

Kuala Lumpur: Medical Apparatus Supplies Sdn Bhd (MASSB) menyumbangkan bekas sisa klinikal dan berbahaya bernilai RM130,000 kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF).

Bekas sisa klinikal dan berbahaya itu akan ditempatkan di 28 Pusat Dialisis NKF di seluruh negara yang menampung kira-kira 1,550 pesakit buah pinggang.

Sumbangan disampaikan menerusi memorandum yang ditandatangani antara Pengarah Eksekutif MASSB, Abdul Shukor Mohd Sultan dan Pengerusi NKF, Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher yang disaksikan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahya, di ibu pejabat NKF, di sini.

NKF bersungguh bantu pesakit

Pengarah Kanan MASSB, Azar Ismail, berkata pihaknya melihat kesungguhan NKF giat membantu pesakit buah pinggang yang tidak mampu membiayai kos rawatan perubatan penuh.

“Sumbangan ini diharap dapat meningkatkan pengurusan sisa pusat dialisis selain membantu menyediakan kualiti perkhidmatan rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang yang semakin meningkat,” katanya.

Sementara itu, Dr Zaki berkata, sumbangan itu mampu meningkatkan perkhidmatan pihaknya kepada pesakit.

“Ia akan terus memberi semangat dan inspirasi kepada kami untuk membantu pesakit yang tidak berkemampuan membiayai kos rawatan dialisis yang semakin mahal,” katanya.